

Sidek gariskan 'laluan' bagi elak pertikaian

28 OCT 1991

Pemimpin badan yang suka 'berpolitik' dibidas

Oleh
ROSEBI MOHD SAH

3
PARA pemimpin masyarakat Melayu boleh terpelihara daripada sebarang perbalahan sekiranya mereka menumpukan perhatian dan tenaga untuk bersatu, berkhidmat dan berbakti.

Jika ini tercapai, roda kemajuan bagi masyarakat Melayu akan lebih ketara, kata Menteri Negara (Pelajaran), Haji Sidek Saniff.

Menekankan demikian semasa merasmikan seminar silat anjuran Persatuan Wanita dan Teruna (Perwanit) di Balai Rakyat Siglap semalam, beliau juga menggariskan enam struktur yang perlu diperkukuh bagi kemajuan sesebuah masyarakat.

Struktur-struktur itu ialah kepercayaan, sosial, budaya, pentadbiran, ekonomi dan politik.

"Keenam-enam struktur

ini hendaklah bergerak sekali gus dalam diri setiap individu, jika tidak, ia mestilah berlaku melalui pertubuhan atau institusi menerusi pelajaran," ujarnya.

Bagi mengelakkan perbalahan, beliau mengingatkan para pemimpin Melayu agar melakukan tugas secara profesional, terperinci dan sistematik untuk memastikan keberkesanannya.

Beliau juga menyelar sesetengah pemimpin persatuan yang suka 'berpolitik'.

"Mengetahui dan memahami politik adalah baik. Jika anda berminat menjadi ahli politik, masuklah parti-parti politik. Yang bukan ahli politik inilah yang selalunya berpolitik," kata beliau.

Beliau juga menekankan peri pentingnya menyemai semangat kekitaan dalam sesebuah kumpulan atau pertubuhan.

"Apabila kita menolong orang, kita lupakan sahaja,

tetapi jika orang menolong kita, kita perlu ingat sehingga akhir hayat.

"Jangan kita melihat segala sumbangan yang telah kita lakukan, tetapi kita lihat apa yang dapat kita sumbangkan seterusnya," kata beliau.

Haji Sidek juga berkata, langkah yang dirintis oleh para pemimpin yang lebih awal perlu diperkukuh oleh para pemimpin hari ini agar wujud satu kesinambungan.

Mengenai seni silat, beliau berkata, memahaminya dapat membantu menajamkan fikiran dan kematangan pemimpin.

Ini kerana wujudnya ciri-ciri seperti semangat berpasukan dan mengelakkan perasaan 'angkuh', menerima kekalahan dengan berma-ruah, mempunyai sikap tolak ansur serta perasaan mengalah yang bukan bererti kalah, jelasnya.

Juara silat dunia dinasihat rehat

1 NOV 1991

2
JUARA silat dunia '90, Ruzaidi Abdul Rahman, terkilan kerana tidak dapat membantu negara mempertahankan pingat emas Kelas F pada Kejua-raan Khas sempena Sukan SEA Manila, hujung bulan ini.

Katanya, larangan Pegawai Perubatan MSN, Dr Nordin Darus, menyekat keinginannya untuk ke Manila.

"Saya diarah rehat selama

tiga bulan sejak Ogos lalu kerana menghadapi masalah lebi-han guna tenaga. Saya terkil-an sedangkan rakan-rakan sudah memulakan latihan di Bangi," katanya, semalam.

Ruzaidi adalah penyumbang satu daripada empat pingat emas yang dimenangi oleh skuad silat olahraga pada Sukan SEA Kuala Lumpur, dua tahun lalu.

Kini, dia terpaksa berehat daripada menyertai sebarang kejua-raan hingga mendapat pengesahan daripada Dr Nordin.

B. Harian (M)

"Jiwa saya ingin bertarung lagi. Jika ikut hati, saya rasa kemampuan untuk berlawan tidak akan memberi kesan kepada kesihatan. Tetapi saya terpaksa akur dengan nasihat doktor," katanya.